

Roslinda Binti Abdul Razak

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, March 20, 2017 12:25 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM CAS Terima Student Lounge Melor



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



20 MAC 2017 / 21 JAMADILAKHIR 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

UUM CAS TERIMA STUDENT LOUNGE MELOR



UUM ONLINE: UUM CAS yang diwakili Penolong Naib Canselornya, Prof Madya Dr Huda Ibrahim telah menerima penyerahan kunci Student Lounge Melor yang baharu beroperasi di Bangunan Ekonomi, baru-baru ini.

Penyerahan tersebut disempurnakan oleh Pengarah UUMIT, Kamarudin Abdullah di Student Lounge Melor dan bakal diikuti dua lagi yang akan dibuka pada akhir Mac ini di UUM COB dan UUM COLGIS iaitu Student Lounge Mawar dan juga Melati.

Selain pembukaan Student Lounge di UUM CAS, UUM COB dan UUM COLGIS, pelajar juga boleh menggunakan kemudahan disediakan di Student Lounge di semua Inapan Siswa (INASIS).

Student Lounge ini membolehkan pelajar UUM bertemu dan membincangkan aktiviti akademik atau bukan akademik dalam suasana yang santai dan selesa, selain boleh digunakan sebagai tempat untuk mengadakan mesyuarat serta pertemuan kakitangan dengan pelawat.

Antara kemudahan yang disediakan di Student Lounge ini ialah Wifi berkelajuan tinggi, lima unit komputer dengan akses internet, kaunter khidmat pelanggan dan ruang multimedia yang dilengkapi dengan Smart TV 65 inci.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.